

02

Bahasa Melayu

PT3 2018

PENTAKSIRAN TINGKATAN 3

**UJIAN PERCUBAAN
OGOS**

**PANDUAN
PENSKORAN**

Markah penuh	:	100 markah
Bahagian A (Sistem Bahasa)	:	25 markah
Bahagian B (Pemahaman)	:	30 markah
Bahagian C (Ulasan)	:	15 markah
Bahagian D (Karangan)	:	30 markah

Bahagian A : (Sistem Bahasa)

Soalan 1: Kesalahan Bahasa

- | | | |
|--|--|--------------------------|
| (i) <u>sebatang</u>
selaras | | (1 markah)
(1 markah) |
| (ii) <u>Baginda</u>
Beta | | (1 markah)
(1 markah) |
| (iii) <u>dikaji oleh kami</u>
kami kaji | | (1 markah)
(1 markah) |
| (iv) <u>lain-lain negara</u>
negara-negara lain | | (1 markah)
(1 markah) |

(8 markah)

Soalan 2: Kesalahan Ejaan

- | | | | |
|-----------------------------|---|----------------------------|------------|
| (i) mencatit | - | mencatat | (1 markah) |
| (ii) di pasaraya / pasaraya | - | di pasar raya / pasar raya | (1 markah) |
| (iii) naskah | - | naskhah | (1 markah) |

(3 markah)

TERHAD

Soalan 3: Tukar ayat majmuk menjadi dua ayat tunggal

MARKAH	KRITERIA
2 markah	-Dua ayat tunggal dapat dibina dan menepati binaan ayat tunggal yang ditetapkan.
1 markah	-Satu ayat tunggal dapat dibina dan menepati binaan ayat tunggal yang ditetapkan.
0 markah	-Ayat yang tidak menepati binaan ayat tunggal yang ditetapkan.

- (i) (a) Majlis Rumah Terbuka itu meriah. (1 markah)
- (b) Majlis Rumah Terbuka itu terdapat pelbagai juadah disediakan. (1 markah)
- (ii) (a) Mariam tidak terbaca novel itu. (1 markah)
- (b) Novel itu tebal. (1 markah)
- (iii) (a) Banglo itu baru sahaja siap. (1 markah)
- (b) Banglo itu belum ada penghuninya. (1 markah)
- (iv) (a) Saya suka belajar Bahasa Perancis. (1 markah)
- (b) Adik saya suka belajar Bahasa Jepun. (1 markah)
- (v) (a) Mereka melompat-lompat di tepi koridor. (1 markah)
- (b) Mereka menjerit dengan kuat. (1 markah)
- (10 markah)**

Soalan 4: Peribahasa

MARKAH	KRITERIA
2 markah	- Peribahasa yang tepat
2 markah	- Peribahasa yang berubah struktur tetapi tidak menjejaskan maksud atau tidak berubah maksud (perubahan setara)
0 markah	- Peribahasa yang tidak tepat
0 markah	- Peribahasa (perumpamaan) yang digugurkan perkataan <i>bagai/ umpama / ibarat dll</i>

- (i) - Ikan pulang ke lubuk (2 markah)
- Haruan pulang ke lubuk (2 markah)
 - Ikan haruan pulang ke lubuk (2 markah)
 - Belut pulang ke lumpur (2 markah)
 - Setinggi-tinggi terbang bangau/ bangau terbang, akhirnya hinggap di belakang kerbau juga/jua (2 markah)
 - Pinang pulang ke tampuk (2 markah)
 - Ikan/Haruan/Belut pulang (0 markah)
 - Setinggi-tinggi terbang bangau (0 markah)
- (ii) - Carik-carik bulu ayam, lama-lama/ akhirnya bercantum juga/ jua (2 markah)
- Air dicancang/ dicincang tak/ tidak akan putus (2 markah)
 - Carik-carik bulu ayam (0 markah)
 - Air dicancang/ dicincang (0 markah)
- (4 markah)**

Bahagian B : (Pemahaman)**Soalan 5***Pemahaman Prosa Tradisional*

Kriteria bagi soalan 3 markah

MARKAH	KRITERIA
3 markah	- Isi cukup / lengkap dan ayat gramatis
2 markah	- Isi cukup tetapi ayat kurang gramatis - Isi tidak cukup tetapi ayat gramatis
1 markah	- Isi tidak cukup dan ayat kurang gramatis
0 markah	- Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis - Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

- (i) Tindakan yang dilakukan oleh Si Miskin apabila dia dilempari batu dan kayu oleh orang di pasar ialah [3 markah]

- Lari dengan tubuhnya bengkak-bengkak berlumuran darah
- Menangis
- berseru-seru sepanjang jalan kerana sangat lapar dan dahaga seperti akan mati rasanya.

* Isi cukup: 2 isi di atas

(ii) Dua perwatakan Si Miskin yang terdapat dalam prosa ialah

[3 markah]

- Seorang suami yang bertanggungjawab.
- Seorang suami yang penyayang.
- Seorang suami yang penyabar
- Seorang raja yang baik hati
- Seorang raja yang berasal dari kayangan
- Seorang yang tabah menghadapi ujian dan dugaan
- Seorang raja yang adil dan pemurah setelah menjadi Maharaja Indera Angkasa

*Isi cukup: 2 daripada isi di atas

Kriteria bagi soalan 4 markah

MARKAH	KRITERIA
4 markah	- Isi cukup dan relevan mengikut tugas serta ayat gramatis
3 markah	- Isi cukup dan relevan mengikut tugas tetapi ayat kurang gramatis
2 markah	- Isi tidak cukup tetapi relevan mengikut tugas dan ayat gramatis
1 markah	- Isi tidak cukup tetapi relevan mengikut tugas dan ayat kurang gramatis
0 markah	- Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis - Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

(iii) Kesan yang akan berlaku sekiranya nilai kasih sayang tidak wujud dalam kalangan masyarakat di negara kita.

[4 markah]

- Persengketaan /perselisihan faham mudah berlaku/tercetus
- Hilang rasa ingin membantu/menolong orang yang susah
- Wujud masyarakat yang mementingkan diri sendiri sahaja
- Hilang sikap hormat menghormati antara satu sama lain
- Keharmonian hidup bermasyarakat tidak akan wujud
- Negara akan menjadi huru-hara dan keamanan sukar diwujudkan
- Nasib golongan miskin tidak akan terbela

* Isi cukup: 2 daripada isi di atas atau isi-isi lain yang relevan

Soalan 6

Pemahaman Sajak

Kriteria bagi soalan 3 markah

MARKAH	KRITERIA
3 markah	- Isi cukup / lengkap dan ayat gramatis
2 markah	- Isi cukup tetapi ayat kurang gramatis - Isi tidak cukup tetapi ayat gramatis
1 markah	- Isi tidak cukup dan ayat kurang gramatis
0 markah	- Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis - Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

TERHAD

(i) Maksud rangkap keempat

(3 markah]

- Penyajak berasa kagum kepada pejuang negara kerana
- mempertahankan negara
- kerana sanggup berkorban nyawa
- kesetiaan yang ditunjukkan oleh pejuang negara kepada negara yang tercinta

* Isi cukup: 2 daripada isi di atas

(ii) Dua unsur bunyi dalam sajak

[3 markah]

- Asonansi - Pengulangan vokal 'a' sebanyak 7 kali pada baris ke-3 rangkap ke-4. Contohnya, 'kerana tanganmu perah berarah'.
- Asonansi – Pengulangan vokal 'a' sebanyak 7 kali pada baris ke-4 rangkap ke-4. Contohnya 'Darah kesetiaan seorang warga'.
- Aliterasi - Pengulangan konsonan 'n' sebanyak 5 kali pada baris ke-2 rangkap ke-3. Contoh, 'ikan-ikan yang ring'.
- Aliterasi – Pengulangan konsonan 'k' sebanyak 5 kali pada baris pertama rangkap ke-4. Contoh, Sesekali kungin kungingkan kungim'.

*Isi cukup: 2 daripada isi di atas

Kriteria bagi soalan 4 markah

MARKAH	KRITERIA
4 markah	- Isi cukup dan relevan mengikut tugas serta ayat gramatis
3 markah	- Isi cukup dan relevan mengikut tugas tetapi ayat kurang gramatis
2 markah	- Isi tidak cukup tetapi relevan mengikut tugas dan ayat gramatis
1 markah	- Isi tidak cukup tetapi relevan mengikut tugas dan ayat kurang gramatis
0 markah	- Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis - Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

TERHAD

(iii) Kelebihan bekerja di bandar.

[4 markah]

- Banyak pilihan peluang pekerjaan
- Berpeluang memilih kerja berdasarkan kelayakan dan kelulusan
- Gaji lebih tinggi
- Lebih bergaya
- Mendapat banyak kenalan
- Boleh merebut peluang menyambung pelajaran selepas bekerja
- Boleh berdaya saing
- Kemudahan infrastruktur
- Kemudahan internet untuk pembinaan kerjaya

*Isi cukup: 2 daripada isi di atas atau isi-isi lain yang relevan

Soalan 7*Novel***Pembahagian Markah**

PERINCIAN	MARKAH
Isi	6 markah
Bahasa	4 markah

Kriteria Markah Bahasa

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	4 markah	<ul style="list-style-type: none"> □ Bahasa baik dan lancar □ Ayat gramatis □ Ejaan dan tanda baca yang betul
Baik	2 - 3 markah	<ul style="list-style-type: none"> □ Bahasa masih baik dan masih lancar □ Penggunaan ayat masih gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum □ Kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum
Kurang Memuaskan	1 markah	<ul style="list-style-type: none"> □ Bahasa tidak cekap □ Ayat tidak gramatis □ Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara

Markah Isi

1. Maksimum : 3 isi
2. Satu contoh peristiwa yang relevan dan lengkap : 2 *markah*
3. Satu contoh peristiwa yang relevan tetapi tidak lengkap : 1 *markah*

TERHAD

	Persoalan	Peristiwa
CHOT	Persoalan kesungguhan dalam menuntut ilmu.	Alias sentiasa membawa buku bacaan atau buku kerja ke mana-mana sahaja dan akan membaca buku tersebut apabila berkelapangan. (m/s 118)
		Semasa Alias pergi memetik kelapa dengan Chot, dia akan membawa buku dan mengulang kaji pelajaran pada waktu rehat. (m/s 105)
		Walaupun Alias tidak pergi ke sekolah kerana telinganya sakit, dia tetap menghabiskan latihan Matematik yang diberikan oleh Cikgu Sunan di rumah.(m/s 81)
		Alias akan belajar bersama-sama dengan Som selepas selesai mengaji di rumah Alias.
	Persoalan penduduk kampung yang mengamalkan semangat bermasyarakat	Mak Su Kiah datang membawa sepinggan nasi dan semangkuk gulai sebagai makanan tengah hari untuk ibu Alias, Puan Leha. (m/s 58)
		Pak Din pula selalu menjenguk ke rumah Alias untuk membantu keluarga itu. Pak Din menghulurkan bantuan untuk membayar ganti rugi kepada Miah yang menuduh Chot merosakkan pokok pisangny. (m/s 155)
		Pak Din mengupah Alias memetik buah kelapa di kebunnya walaupun ada orang lain yang boleh memetik buah kelapa tersebut. (m/s 96)
	Persoalan tanggungjawab seorang anak terhadap ibu.	Alias bertanggungjawab menyara ibunya yang lumpuh dan mencari rezeki dengan mengambil upah memetik buah kelapa bersama-sama Chot. (m/s 61)
		Alias akan memasak nasi untuk ibunya setiap kali pulang dari sekolah.(m/s 58)
		Alias meminta pertolongan Pak Din membelikan ubat batuk untuk ibunya menggunakan duit upah memetik buah kelapa.(m/s 125)

	PERSOALAN	PERISTIWA
JUSTERU IMPIAN DI JARING	Persoalan kesabaran dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab	Haji Marzuki sabar menghadapi cabaran semasa bertugas dengan PBSM
		Haji Marzuki sanggup mempertaruhkan jawatannya sebagai jurulatih untuk memastikan Syahir layak ke Jakarta dengan syarat Syahir akan berjaya menjadi juara.
		Haji Marzuki sentiasa memberikan komitmen yang maksimum dalam melatih barisan pemain perseorangan negara.
	Persoalan kasih sayang seorang anak terhadap ibunya	Syahir telah membatalkan penerbangannya bersama dengan rakan-rakannya ke Johor Bahru disebabkan emaknya tidak sihat.
		Walaupun Syahir sibuk mejalani latihan badminton, dia kerap pulang ke rumah menemui ibunya di Bandar Baru Bangi.
		Sebelum ke Jakarta untuk menyertai Kejohanan Badminton Antarabangsa, dia mengunjungi ibunya yang menghidap strok di Hospital Universiti.
		Syahir sentiasa menghubungi kak Uda untuk mengetahui keadaan kesihatan ibunya sewaktu di Jakarta.
	Persoalan sikap berpendirian teguh dalam hal keagamaan	Syahir tetap dengan pendiriannya untuk berpakaian menutup aurat semasa latihan mahupun pertandingan badminton kerana ingin menjaga syariat agama.
		Dia tetap berpegang pada prinsipnya walaupun dia dikritik oleh sesetengah pihak yang melabelkannya sebagai Muslim konservatif dan 'kepala batu' dari hulu
		Syahir sentiasa menjaga solat semasa latihan mahupun pertandingan.

	PERSOALAN	PERISTIWA
	Persoalan ketabahan dalam menghadapi dugaan	Farhani tabah menempuh pelbagai dugaan semasa dia ditawan oleh Komander Caucasus. Contohnya, dia telah dikurung di dalam sebuah balang kaca yang membuatkan adanya terasa sesak dan dirinya sukar bernafas. (m/s 68)
		Puan Lee yang merupakan ibu kepada Kim Yong tabah menghadapi dugaan atas kehilangan anak tunggal kesayangannya itu. Buktinya Puan Lee masih tersenyum walaupun dirinya kelihatan lemah ketika rakan-rakan sekelas Kim Yong sudi melawatnya. (m/s 2)
		Cikgu Salimah tabah menghadapi dugaan apabila ada kalangan individu yang melemparkan pelbagai tohmahan ke atas dirinya dan menganggap dirinya seorang guru yang tidak bertanggungjawab kerana tidak bersama-sama pelajarannya dalam usaha mencari serangga. (m/s 51)
TAWANAN KOMANDER CAUCASUS	Persoalan hidup saling membantu	Haikal dan rakan-rakannya membantu tentera kumbang mendirikan khemah sebagai tempat perlindungan mereka. (m/s 106)
		Farhani telah membantu Kim Yong dengan membenarkan Kim Yong berpaut pada bahu Farhani meskipun Kim Yong bersikap sombong terhadapnya. (m/s 76)
		Farhani membantu Kim Yong yang dahaga dengan menghulurkan minuman kepadanya. (m/s 79)
		Haikal, Wei dn Devnath membantu kumpulan kumbang iaitu Bara dan Puteri Coleoptera yang telah menyelamatkan Farhani dan Kim Yong. (m/s 103)
		Farhani, Bara dan Dara Bintik saling membantu untuk membebaskan Kim Yong dari kurungannya. (m/s 72)

		<p>Bara dan Dara Bintik saling membantu menyelamatkan Farhani daripada terus dikurung di dalam balang kaca di makmal rahsia untuk dijadikan bahan uji jkaji Comander Caucasus (m/s 71)</p>
	<p>Persoalan tanggungjawab ibu bapa kepada anak-anak</p>	<p>Puan Asmah iaitu ibu Farhani bertanggungjawab menegur perbuatan Muhammad Faris Akmal yang merupakan abang Farhani kerana buruk sangka terhadap Cikgu Salimah. (m/s 54)</p>
		<p>Kelibat bapa tiri KimYong iaitu Encik Kwok tidak kelihatan ketika Farhani dan rakan-rakannya menziarahi ibu Kim Yong mungkin disebabkan Encik Kwok berusaha mencari Kim Yong setelah tiga hari tidak pulang ke rumah. Hal ini menunjukkan Encik Kwok seorang yang bertanggungjawab kepada anaknya.(m/s 4)</p>
		<p>Encik Adnan yang merupakan bapa Farhani bertanggungjawab dalam mendidik dan mengajar anaknya tentang ikhtiar hidup di dalam hutan memandangkan beliau merupakan bekas renjer hutan. (m/s 167)</p>

	PERSOALAN	PERISTIWA
HEMPASAN OMBAK	Persoalan Cabaran dalam dunia perniagaan	<p>Farid menghadapi pelbagai cabaran dalam menguruskan perniagaan batik milik keluarganya.</p> <p>Farid menghadapi persaingan dengan syarikat-syarikat batik yang lain</p> <p>Farid menghadapi masalah apabila Syarikat Batik Nusantara disabotaj oleh Mukhtar yang cuba menjatuhkannya.</p>
	Persoalan Kasih sayang sesama ahli keluarga	<p>Hajah Zaoyah menggadai tanah dan barang kemas untuk membantu Farid memajukan perusahaan warisan arwah suaminya</p> <p>Farid sanggup menggalas tanggungjawab mengambil alih syarikat arwah ayahnya kerana adik-beradiknya yang lain tidak mempunyai keupayaan dalam menguruskan syarikat tersebut.</p>
	Persoalan Kesederhanaan dalam kehidupan	<p>Farid mengekalkan sikap besederhana dalam menjalani kehidupan walaupun dia mempunyai jawatan sebagai Pengarah Urusan Syarikat Batik Nusantara dengan menaiki motosikal jika ada urusan luar.</p> <p>Farid menggunakan kereta Peugeot lama peninggalan arwah ayahnya walaupun mempunyai wang dan kedudukan.</p> <p>Farid lebih selesa untuk makan di warung biasa, bukan di hotel ketika makan tengah hari bersama-sama Zuraida.</p>

*terima jawapan-jawapan lain yang relevan

Bahagian C : (Ulasan)**Soalan 8**

Perkara yang perlu diberi perhatian semasa membaca jawapan calon:

- (a) Pemeriksa perlu memberikan penekanan pada idea yang ditulis oleh calon
- (b) Bahasa dinilai secara tanggapan (impression) berdasarkan kriteria
- (c) Pemeriksa diminta menandakan kesalahan bahasa seperti penandaan jawapan karangan
- (d) Peringkatkan markah calon berdasarkan kriteria di bawah:

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	13 - 15	<p><u>Idea</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Isi tersurat dan tersirat yang relevan dengan bahan - Ulasan idea yang jelas dan matang <p><u>Bahasa</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Ayat gramatis - Kosa kata luas dan tepat - Ejaan dan tanda baca betul - Penanda wacana yang betul - Kesalahan bahasa yang minimum
Baik	09 - 12	<p><u>Idea</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Isi tersurat dan tersirat yang relevan dengan bahan - Ulasan idea yang jelas <p><u>Bahasa</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Ayat masih gramatis - Kosa kata luas - Ejaan dan tanda baca masih betul - Penanda wacana yang masih betul - Kesalahan bahasa yang masih minimum
Kurang Memuaskan	05 - 08	<p><u>Idea</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Isi tersurat atau tersirat yang masih relevan dengan bahan - Ulasan idea yang kurang jelas <p><u>Bahasa</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Ayat kurang gramatis - Kosa kata terhad - Kesalahan bahasa yang ketara
Penguasaan Minimum	01 - 04	- Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan bahasa yang tidak cekap

TERHAD

Cara penandaan dan pemberian markah ulasan:

- (i) Pemeriksa dikehendaki menandakan (/) apabila terjumpa isi.
- (ii) Baca dan periksa setakat 100 patah perkataan sahaja atau sehingga ayat itu berakhir.
- (iii) Buat satu garisan panjang selepas 100 patah perkataan atau sehingga ayat itu berakhir.

Kriteria Penskoran

PERINGKAT	MARKAH	DESKRIPSI
Cemerlang	26 - 30	<p><u>Idea</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Idea relevan dengan tugas - Huraian idea jelas, menarik dan matang - Contoh yang sesuai <p><u>Bahasa</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan ayat bervariasi dan gramatis - Penggunaan kosa kata luas dan tepat - Ejaan dan tanda baca betul - Kesalahan bahasa minimum <p><u>Pengolahan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengolahan menarik, berkesan dan matang dengan pemerenggan yang sesuai - Format menepati kehendak tugas - Penggunaan penanda wacana tepat - Penggunaan ungkapan menarik tepat dan berkesan seperti peribahasa / pantun / cogan kata / frasa yang menarik

PERINGKAT	MARKAH	DESKRIPSI
Kepujian	20 - 25	<p><u>Idea</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Idea relevan dengan tugas - Huraian idea jelas dan menarik - Contoh yang sesuai <p><u>Bahasa</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan ayat bervariasi dan gramatis - Penggunaan kosa kata luas - Ejaan dan tanda baca yang betul - Kesalahan bahasa minimum <p><u>Pengolahan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengolahan menarik dan berkesan dengan pemerenggan yang sesuai - Format menepati kehendak tugas - Penggunaan penanda wacana sesuai - Penggunaan ungkapan menarik sesuai dan berkesan seperti peribahasa / pantun / cogan kata / frasa yang menarik

PERINGKAT	MARKAH	DESKRIPSI
Baik	15 - 19	<p><u>Idea</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Idea masih relevan dengan tugas - Huraian idea masih jelas dan masih menarik - Contoh yang masih sesuai <p><u>Bahasa</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan ayat masih bervariasi dan masih gramatis - Penggunaan kosa kata masih luas - Ejaan dan tanda baca masih betul - Kesalahan bahasa masih minimum <p><u>Pengolahan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengolahan masih menarik, dan masih berkesan dengan pemerenggan yang masih sesuai - Format masih menepati kehendak tugas - Penggunaan penanda wacana masih sesuai
Kurang Memuaskan	10 - 14	<p><u>Idea</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Idea kurang relevan dengan tugas - Huraian idea kurang jelas dan kurang menarik - Tiada contoh atau contoh kurang sesuai <p><u>Bahasa</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan ayat kurang bervariasi dan kurang gramatis - Penggunaan kosa kata terhad - Kesalahan bahasa ketara <p><u>Pengolahan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengolahan kurang menarik, kurang berkesan dan pemerenggan yang kurang sesuai - Format kurang menepati kehendak tugas - Penggunaan penanda wacana kurang sesuai
Penguasaan Minimum	01 - 09	<ul style="list-style-type: none"> - Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan kemahiran menulis yang lemah - Tidak menjawab tugas atau karangan tidak menepati kehendak soalan / terpesong.

Langkah-langkah memeriksa

1. Pemeriksa hendaklah membaca karangan itu sekali lalu terlebih dahulu untuk mendapatkan kesan (*impression*) daripadanya. Perkara yang perlu diperhatikan semasa membuat pertimbangan ialah menjawab tugas, bahasa, kerelevanan idea dan pengolahan. Kemudian, nilaikan dan tetapkan mengikut karangan berkenaan berdasarkan kriteria penskoran yang disediakan.
2. Baca karangan itu sekali lagi dengan teliti untuk membuat pertimbangan yang muktamad. Ketika membaca, tandakan kesalahan-kesalahan bahasa, tanda baca, ejaan dan isi / fakta seperti berikut:

_____	Kesalahan bahasa, perkataan dan frasa
/	Kesalahan ejaan
//	Kesalahan ejaan yang berulang
○	Kesalahan tanda baca
()	Kesalahan isi / fakta

3. Pemotongan markah untuk ejaan yang salah:
 - (a) ½ markah dipotong bagi ejaan yang salah
 - (b) pemotongan keseluruhan tidak lebih daripada 2 markah
 - (c) kesalahan ejaan yang berulang tidak diambil kira
 - (d) ejaan hendaklah mengikut sistem ejaan Rumi Baharu Bahasa Melayu

PANDUAN PENSKORAN TAMAT

TERHAD

